

Isteri suka ikut rombongan, makan dalam kereta jadi penyebab

Isu remeh punca perceraian

UTUSAN Malaysia 14/11/2018 M/S 10

Oleh C. SHEILA RANI
penarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 13 NOV.

ISTERI yang suka mengikuti rombongan beramai-ramai, membasuh baju pada waktu malam, berebut rancangan televisyen dan suka makan dalam kereta antara punca berlakunya perceraian dalam kalangan pasangan muda.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh berkata, berdasarkan laporan sebuah portal berita yang memetik Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, kebanyakan kes perceraian yang difailkan oleh pasangan itu adalah atas faktor yang remeh.

“Antara punca mereka memfailkan perceraian adalah kerana

“Antara punca mereka memfailkan perceraian adalah kerana isteri suka mengikuti rombongan beramai-ramai, isteri suka membasuh baju pada waktu malam...”

HANNAH YEOH

isteri suka mengikuti rombongan beramai-ramai, isteri suka membasuh baju pada waktu malam dan suami tidak suka isteri makan di dalam kereta, perbezaan fahaman politik, gaji suami lebih rendah, pasangan tidur berdeng-

kur dan gemar membeli-belah.

“Saya bacakan perkara ini kerana mahu menunjukkan isu perceraian sangat serius kerana perkara remeh digunakan sebagai sebab untuk memfailkan perceraian,” katanya dalam sesi soal jawab sidang Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan **Noor Amin Ahmad (PH-Kangar)** yang meminta kerajaan menyatakan jumlah kes perceraian direkodkan oleh pasangan di bawah usia perkahwinan lima tahun dan punca dikenal pasti mendorong kepada perceraian.

Mengulas lanjut, Hannah berkata, sebanyak 2,932 kes perceraian di bawah usia perkahwinan lima tahun bagi orang Islam di Wilayah Persekutuan termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan direkodkan oleh Jabatan

Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) pada 2013 hingga tahun lalu.

Katanya, bagi bukan Islam pula, sebanyak 14,440 kes direkodkan bagi tempoh sama berdasarkan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

“Dalam tempoh berkenaan, Johor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 2,860 kes diikuti Kuala Lumpur (2,721 kes) dan Selangor (1,858 kes),” katanya.

Dalam pada itu, Hannah berkata, berdasarkan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LP-PKN) pada 2014 menunjukkan lebih satu pertiga perkahwinan pertama yang berakhir dengan perceraian atau perpisahan berlaku dalam tempoh lima tahun pertama usia perkahwinan.

KES PERCERAIAN USIA PERKAHWINAN

LIMA TAHUN KE BAWAH

Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan
(2013-2017)



3 negeri catat kes tertinggi:

- Johor.....2,860
- Kuala Lumpur.....2,721
- Selangor.....1,858

Suami abai tanggungjawab

15.2%

Tiada persefahaman

38%

Pasangan curang

20.5%

Campur tangan mentua, ipar-duai

10%

Tiada persefahaman

56.2%

Pasangan curang

11.8%

